

24 FEB 1997

KHALIL CADANG PEMUDA UMNO MASUK KE DESA

KUANTAN, 24 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini mencadangkan supaya Pergerakan Pemuda Umno Negeri mewujudkan program masuk ke desa dalam usaha membanteras gejala sosial di kalangan remaja.

Menerusi program itu, Pemuda Umno berpeluang memberikan penjelasan kepada golongan muda di kampung-kampung dan rancangan penempatan Felda tentang peluang-peluang yang boleh diperolehi berikutan kepesatan pembangunan industri di negeri ini, katanya.

Mereka boleh diberikan panduan tentang cara-cara mengikuti latihan di pelbagai bidang kemahiran sejajar dengan keperluan tenaga mahir yang semakin meningkat sekarang, katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Jawatankuasa Pemuda Umno Pahang di sini.

Beliau berkata, di Pahang sendiri sudah banyak didirikan industri berteknologi tinggi yang memerlukan tenaga mahir terlatih dan pelajar-pelajar lepasan sekolah boleh mengikuti latihan-latihan kemahiran tanpa perlu membuang masa melepak atau berkeliaran di sana sini.

Sementara itu, Khalil berkata kerajaan negeri menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa pembangunan di kawasan hutan dan tanah tinggi di negara ini akan diteruskan tetapi bukan secara fanatik.

Pembangunan itu perlu terutamanya bagi pelancongan berasaskan alam semula jadi (eco-tourism) yang mana keindahan alam tidak akan dapat dinikmati oleh semua sekiranya tiada usaha dibuat untuk membawa rakyat mendekatinya, katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang menyebut bahawa projek itu boleh menjejaskan ekosistem dan menyebabkan tanah runtuh seperti di Gua Tempurong, Genting Highlands dan Lebuhraya Karak, Khalil berkata CAP berhak menyatakan pandangannya sendiri. --
BERNAMA

ROS PR